



## Keputusan pinda, wujud akta baharu pengemis, tahun depan

BERNAMA

Kuala Lumpur: Keperluan untuk mewujudkan akta baharu atau menambah baik Akta Orang-Orang Papa 1977 dalam menangani isu pengemis hanya boleh diputuskan selepas satu kajian semakan akta berkenaan siap tahun depan.

Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Rosmahwati Ishak berkata, kajian semakan akta itu akan dimulakan pada Julai nanti dan ia dijangka siap September tahun depan.

"Terdapat keperluan akta berkenaan disemak kembali bagi menetapkan hala tuju berkaitan isu pengemis dan gelandangan memandangkan pada masa kini tiada punca kuasa dan perundangan yang khusus dalam pengoperasian dan pengendalian golongan tersebut di negara ini," katanya kepada Bernama dalam satu temu bual eksklusif, baru-baru ini.

Jelasnya, Mesyuarat Majlis Sosial Negara (MSN) 2019 memutuskan supaya suatu akta baharu yang lebih inklusif digubal untuk menangani isu gelandangan dan pengemis secara holistik dengan mengambil kira kuasa dan peranan kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Berikutan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian semakan akta untuk meneliti isu ini dengan lebih serius dan sebagai asas bagi melihat sama ada sesuai untuk membangunkan suatu akta baharu atau menambah baik akta sedia ada.

Beliau berkata demikian ketika mengulas isu kelompangan akta yang menjadi antara punca Kuala Lumpur sebagai 'syurga' pengemis seperti yang dilaporkan Bernama.

Dalam satu laporan khas Bernama mengenai isu pengemis pada Khamis, mendedahkan akta yang berusia lebih empat dekad itu sudah lapuk dan tidak lagi sesuai untuk digunakan bagi membanteras aktiviti berkenaan berikutan berhadapan pelbagai cabaran dalam menanganinya.

Ini kerana, akta sedia ada hanya bertujuan melindungi dan memulihkan golongan itu serta tidak mempunyai elemen penguatkuasaan termasuk denda kepada pengemis.

Di bawah akta berkenaan, pengemis yang berumur bawah 60 tahun yang tidak mempunyai waris akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD), manakala bagi yang berumur 60 tahun ke atas akan dihantar ke Rumah Sri Kenangan (RSK) kelolaan JKM.

Terdapat lima institusi yang menempatkan kes orang papa termasuk pengemis iaitu di Johor, Selangor, Pahang, Sabah serta Sarawak dan sehingga kini jumlah keseluruhan orang papa yang tinggal di institusi di bawah JKM adalah seramai 7,312 orang dari 2017 sehingga 2021.

JKM sendiri katanya turut berhadapan kekangan dalam menguatkuasakan Akta Orang-Orang Papa 1977 terutamanya membabitkan pengemis yang bergerak dari satu lokasi ke satu lokasi dan juga pengemis bermusim terutamanya ketika Ramadan.

Beliau pada masa sama turut menasihatkan masyarakat sewajarnya memberikan sumbangan mengikut saluran yang betul seperti Yayasan Kebajikan Negara (YKN), rumah-rumah kebajikan berdaftar, mangsa bencana, rumah ibadat atau individu yang benar-benar dikenal pasti susah.

Dalam pada itu, Rosmahwati turut menyuarakan kebimbangan mengenai budaya meminta yang ditularkan menerusi platform media sosial yang kini semakin menjadi trend kerana ia dilihat berpotensi menggalakkan aktiviti mengemis secara moden menggunakan Facebook, aplikasi WhatsApp, Twitter dan sebagainya.

Tegas beliau, sebarang bentuk permohonan sumbangan perlu mendapatkan kelulusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau majlis agama Islam sekiranya sumbangan berunsurkan keagamaan seperti kutipan derma khairat, kebajikan, membina masjid mahupun berkaitan pusat tahfiz.

Disiarkan pada: Februari 19, 2022